

**NO. SOALAN : 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANDRA MOHAN A/L S.  
THAMBIRAJAH**

**TARIKH : 6 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 60**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula syor panel penasihat bebas kemalangan bas Genting Highlands termasuk cadangan untuk menubuhkan satu Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (National Transportation Safety Board) yang dilengkapi dengan pelbagai kepakaran.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan amat mengambil berat akan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Panel Penasihat Bebas Berhubung Hasil Siasatan Kes Kemalangan Bas Henti-Henti Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands-Kuala Lumpur pada tahun 2014. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada 19 Julai 2018 yang lepas telah mengumumkan pelantikan ahli-ahli Recommendation Review Panel (RRP) termasuk melantik beberapa ahli baharu yang mewakili persatuan pemandu dan pengusaha bas bagi memantau pelaksanaan syor-syor asal penambahbaikan tersebut. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga telah mengarahkan agar satu (1) Laporan Interim mengenai status pelaksanaan semua syor tersebut dihasilkan oleh RRP dalam tempoh masa tiga (3) bulan bermula daripada tarikh lantikan ahli-ahli RRP. Laporan ini akan diumumkan kepada orang ramai sebaik sahaja diterima dan diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Kementerian Pengangkutan juga pada masa ini sedang dalam proses perbincangan dan rundingan bagi menubuhkan *Malaysia Transport Safety Board* (MTSB) yang akan berfungsi sebagai pusat sehenti berkaitan pengawalseliaan keselamatan pengangkutan, penyiasatan bebas, penyelidikan, operasi dan pemantauan ke atas semua mod pengangkutan. Proses ini memerlukan satu kajian yang terperinci selain melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak Kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Proses penubuhan MTSB ini dijangka dapat dibentangkan untuk kelulusan Parlimen selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2019.